

UNISSA terima lawatan delegasi MAI Wilayah Pattani, Selatan Thailand



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal ketika menerima kunjungan seramai 58 delegasi Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Selatan Thailand yang diketuai oleh Yang Di-Pertua Majlis, Yang Berbahagia Dr. Haji Abdul Rahman bin Daud (Dr. Waedueramae Mamingchi),

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan daripada delegasi Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Selatan Thailand yang diketuai oleh Yang Di-Pertua Majlis Yang Berbahagia Dr. Haji Abdul Rahman bin Daud (Dr. Waedueramae Mamingchi).

Hadir bagi mengalu-alukan kunjungan delegasi ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Rektor UNISSA dalam ucapannya antara lain berkata pelajar Thailand yang mengikuti pengajian di UNISSA mempunyai perkembangan yang positif dengan peningkatan lebih kurang 42 pelajar dalam Sarjana

Muda dan Lapanan Ijazah (Post Graduate), dengan itu, UNISSA akan terus memberi sokongan kepada masyarakat Selatan Thailand yang berminat untuk melanjutkan pengajian yang lebih tinggi di UNISSA. Kunjungan delegasi seramai 58 orang terdiri daripada tuan-tuan guru itu adalah bertujuan untuk

membincangkan penyalbaran program-program yang bertepatan dan bekerjasama dalam memberikan sokongan kemajuan pelajar-pelajar Thailand di UNISSA. Bidang pendidikan secara sistematik adalah satu keperluan kepada pelajar Selatan Thailand untuk meneruskan

pengajian yang lebih tinggi agar mampu untuk membangunkan masyarakat setempat. Turut hadir pada perjumpaan ini ialah Pemangku Timbalan Rektor, Dr Arman bin Haji Asmad serta Dekan-dekan Fakulti dan Pengarah-pengarah Unit UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Peserta bengkel dari negara EAHC terima sijil



Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan

GADONG, Sabtu, 14 Disember. - Bengkel Risk Assessment for Hydrographic Surveys and Charting Management for the Safety Navigation yang dianjurkan oleh Jabatan Ukur dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) yang bermula pada 9 Disember berakhir dengan majlis penutup yang diadakan di Hotel

Antarabangsa Rizqun, Gadong, kelmarin. Hadir selaku tetamu kehormat majlis untuk menyempurnakan penyampaian sijil kepada pentaklimat dan peserta bengkel selama lima hari tersebut ialah Ketua Eksekutif MPABD, Awang Haji Mohd Salihin bin Haji Aspar. Juga hadir ialah Pemangku

Juruukur Agung, Awang Haji Arefin bin Haji Jaya bagi penyampaian tanda penghargaan kepada tenaga pengajar. Bengkel Risk Assessment for Hydrographic Surveys and Charting Management for the Safety Navigation merupakan salah satu daripada program pembangunan kapasiti dalam perancangan East Asia Hydrographic Commission (EAHC) sebagai suruhanjaya di rantau Asia Timur di bawah International Hydrographic Organisation (IHO).



KETUA Eksekutif Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Awang Haji Mohd Salihin bin Haji Aspar (kanan) menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Bengkel Risk Assessment for Hydrographic Surveys and Charting Management for the Safety Navigation yang dianjurkan oleh Jabatan Ukur dan MPABD (atas). Sementara gambar kiri, antara peserta bengkel yang terdiri daripada 12 orang wakil negara ahli EAHC.

Bengkel ini memfokuskan kepada keselamatan navigasi dengan menggunakan kaedah penilaian risiko (*risk assessment*) dalam pengurusan perancangan pengukuran hidrografi bagi mengemas kini carta nautika (*nautical chart*). Para peserta juga turut didedahkan dengan penggunaan aplikasi QGIS dalam mengenal pasti dan mengklasifikasi tempat yang berpotensi risiko kepada trafik maritim serta mengenal pasti dan mengutamakan penambahbaikan pembuatan carta nautika.

Seramai 18 peserta yang terdiri daripada 12 orang wakil negara ahli EAHC iaitu Singapura, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand, Viet Nam, Korea Selatan dan Republik Rakyat China serta enam pegawai wakil dari Jabatan Ukur, PBMP dan Brunei Shell Petroleum (BSP). Manakala dua tenaga pengajar pula terdiri daripada ahli profesional dari Republik Trinidad dan Tobago. Juga hadir ke majlis penutup ialah para pegawai kanan dari Jabatan Ukur dan MPABD.